



KEMENTERIAN  
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

## KENYATAAN MEDIA

### KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

#### **KKDW SASAR LATIH LEBIH SERIBU USAHAWAN DESA ADAPTASI KEMAHIRAN DIGITAL**

---

JOHOR BAHRU, 19 Sep - Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) terus mempergiatkan pelbagai inisiatif pendigitalan bagi memantapkan lagi usaha membantu usahawan di bawah bimbingannya menguasai kemahiran digital.

Setakat ini, RM1.7 juta disalurkan pada tahun 2023 bagi pelaksanaan Program Pendigitalan Usahawan Desa (PPU) dalam memperluaskan penggunaan digital dalam pengurusan perniagaan.

Ini termasuk penganjuran kursus serta latihan praktikal merangkumi penyediaan kunci kira-kira, pengurusan stok di gudang dan di kedai, pengurusan gerbang pembayaran, akses internet yang optimum dan kemahiran-kemahiran lain berkaitan perniagaan.

Menurut Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) KKDW, Datuk Che Murad Sayang Ramjan usahawan desa juga perlu melakukan anjakan paradigma dalam perniagaan mereka selaras dengan perubahan ekonomi berasaskan digital dan Revolusi Industri 4.0.

“Para usahawan digalakkan untuk menghadiri latihan dan program peningkatan kemahiran digital yang disediakan KKDW bagi meluaskan pasaran produk dan beralih kepada pemasaran secara digital yang kini adalah norma baharu dalam perniagaan.”

Datuk Che Murad berkata demikian selepas merasmikan Program Pendigitalan Usahawan Desa Siri 5/2023 di Johor Bahru siang tadi.

Turut hadir, Setiausaha Bahagian Pembangunan Ekonomi Komuniti KKDW, Mohd Sabri Ramly dan Pengarah Urusan Syarikat Elokai Sdn Bhd dan pentadbir DesaMall@KKDW Ahmad Shah Wahid.

Menambah peluang usahawan desa meneroka pasaran digital, Elokai Sdn Bhd memeterai memorandum persefahaman (MoU) bersama rakan strategik Program Pendigitalan Usahawan yang baharu iaitu Peasy, IPvolusi, TikTok Shop Malaysia serta menyambung kerjasama dengan Shopee.

Rakan strategik PPU yang menawarkan kepakaran dalam bidang masing-masing termasuk Bank Islam, Bank Simpanan Nasional, Maybank, Rural Capital Berhad, Mesinkira, Faspay, Boost Biz, CelcomDigi, Maxis, FoodPanda, Troopers, Shopee Food, Maybank Sama-sama Lokal, Lazada, Shopee, Petron Malaysia, Halal Development Corporation, dan Malaysia Digital Economy Corporation Sdn Bhd (MDeC)

Sebanyak enam siri Program Pendigitalan Usahawan dirancang KKDW tahun ini. Siri 1, 2, 3 dan 4 telah diadakan pada bulan Februari, Mei, Julai dan Ogos di Putrajaya, Kuching, Kuala Terengganu dan Shah Alam dengan penyertaan seramai 1,247 usahawan.

Inisiatif melalui platform Desamall ini adalah strategi di bawah Teras 2 Dasar Pembangunan Luar Bandar (DPLB) iaitu Keusahawanan Pemacu Pembangunan Ekonomi menerusi pernyataan dasar Membangun Produk dan Memperluaskan Pasaran Termasuk Perniagaan Dalam Talian (ECommerce).

Untuk rekod lebih 60,000 usahawan desa berada di bawah ekosistem keusahawanan KKDW.

-Tamat-

Disediakan oleh  
Unit Komunikasi Korporat  
KKDW  
19 September 2023

Unit Komunikasi Korporat. | Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah  
Tel: 03-8891 5945 Faks: 8888 2367 Email: ukk@rurallink.gov.my